



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti kini di LinkedIn. Keberadaan MSWG di LinkedIn bertujuan meningkatkan kehadiran kami dalam media sosial selain menggalakkan penglibatan yang lebih berkesan dengan pihak berkepentingan.

Ikuti akaun LinkedIn MSWG di <https://www.linkedin.com/company/mswg-malaysia/> dan akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia untuk anda kongsi pendapat dengan kami dari semasa ke semasa.

10.03.2023

❖ Cukai keuntungan modal – kenyataan yang pahit untuk ditelan?

Pembentangan semula Belanjawan 2023 baru-baru ini menyaksikan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan cadangan untuk memperkenalkan cukai keuntungan modal (*capital gain tax*, CGT) ke atas pelupusan saham tidak tersenarai mulai tahun 2024 dan seterusnya. Pengenalan CGT boleh menjadi petanda bahawa kerajaan mungkin memperkenalkan lebih banyak cukai ke atas item modal pada masa hadapan.

Buat masa sekarang, pemegang saham runcit boleh menarik nafas lega kerana pelupusan saham tersenarai awam tidak dikenakan CGT. Bagaimanapun, terdapat kemungkinan CGT akan dikenakan ke atas urus niaga saham tersenarai awam pada masa hadapan.

Untuk para penyokong

Pengenalan cukai keuntungan modal ke atas pelupusan saham syarikat awam tersenarai menjana hasil bagi kerajaan yang boleh digunakan untuk menyokong infrastruktur dan perkhidmatan awam. Ideanya adalah untuk mengenakan cukai kepada mereka yang telah mendapat keuntungan daripada pelaburan saham. CGT menjadi medium untuk mengagihkan semula kekayaan kepada mereka yang memerlukan melalui perkhidmatan awam.

CGT ke atas keuntungan yang diperoleh daripada penjualan saham adalah amalan biasa di Amerika Syarikat. Kadar cukai ke atas keuntungan modal bergantung pada pelbagai faktor, misalnya tempoh pegangan saham dan tahap pendapatan boleh cukai.

Pada dasarnya, kadar CGT di AS untuk pelaburan saham jangka panjang adalah lebih rendah berbanding pelaburan saham jangka pendek (yang dipegang selama setahun atau kurang). Ini memberikan pelabur insentif kewangan untuk memegang pelaburan dalam tempoh sekurang-kurangnya setahun, yang mana selepas itu cukai ke atas keuntungan akan lebih rendah.

Pedagang harian dan lain-lain yang mengambil kesempatan daripada kemudahan dan kepantasan berdagang dalam talian yang mendapatkan keuntungan mereka daripada jual beli saham yang dipegang kurang dari setahun bukan sahaja akan dikenakan cukai malahan dikenakan cukai pada kadar yang lebih tinggi berbanding saham yang dipegang untuk jangka panjang.

Satu lagi perspektif ialah CGT atas pelupusan saham syarikat awam yang tersenarai boleh menggalakkan pelaburan jangka panjang dengan menjadikan dagangan jangka pendek kurang menarik.

Mengambil contoh negara serantau, keuntungan daripada saham yang disenaraikan di bursa saham Indonesia adalah tertakluk pada cukai sebanyak 0.1% daripada nilai urus niaga.

Bagi yang tidak menyokong

Sebaliknya, bagi kebanyakan pelabur, terutama pelabur runcit, CGT amat membimbangkan kerana ia merencatkan pulangan pelaburan mereka. Pelabur runcit cenderung berurus niaga dalam jumlah yang kecil untuk mendapatkan keuntungan jangka pendek dan jangka panjang. Mereka sering bergantung pada pelaburan saham untuk mendapatkan wang cepat, wang saku atau membina pendapatan pasif untuk persaraan. Mengenakan CGT pada urus niaga saham syarikat awam tersenarai mungkin tidak menggalakkan aktiviti dagangan, lantas memberikan kesan terhadap kerancakan dan daya tarikan Bursa Malaysia.

Pepatah ada mengatakan, 'risiko tinggi, pulangan tinggi'. Walau bagaimanapun, bagi pemegang saham runcit, mengenakan cukai keuntungan modal ke atas penjualan saham adalah ibarat mengambil risiko yang sama tinggi tetapi pulangannya lebih rendah. Pelabur mungkin akan mengurangkan pelaburan kerana pulangan menyusut daripada sebelumnya.

Pelaburan saham akan bertukar suram dan memberikan kesan negatif kepada bursa saham Malaysia. Lebih-lebih lagi apabila pasaran saham Singapura dan Hong Kong tidak mengenakan CGT ke atas urus niaga saham syarikat awam tersenarai mereka. Pelabur runcit tempatan mungkin akan beralih angin kepada bursa saham negara jiran.

Kesimpulan

Kita dan CGT ibarat tersepit dalam hubungan cinta tapi benci. Ia suatu subjek yang boleh menimbulkan perbalahan namun mempunyai kebaikan dan keburukan tersendiri.

Sebarang langkah untuk mengenakan cukai keuntungan modal ke atas urus niaga saham syarikat awam tersenarai akan melemahkan daya tarikan bursa saham Malaysia. Pengenalan cukai sedemikian, jika direalisasikan pada masa hadapan, perlu difikirkan dengan teliti, terutama dari segi manfaat dan kelemahannya.

Kita tidak mahu terperangkap dalam situasi untung jangka pendek tapi kerugian dalam jangka panjang!

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 13 hingga 17 Mac 2023

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
13.03.23 (Isnin) 10.00 pagi	Pertama Digital Berhad (EGM)	Syarikat berhasrat untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi kuasa memperuntuk dan menerbitkan saham tidak melebihi 10% daripada jumlah bilangan saham yang diterbitkan serta arahan yang bertentangan dengan hak praemptif di bawah Seksyen 85 Akta Syarikat 2016.
13.03.23 (Isnin) 10.00 pagi	AHB Holdings Berhad (AGM)	AHB merekodkan pertumbuhan pendapatan sebanyak 28.2% kepada RM10.2 juta pada tahun kewangan 2022, terutamanya disumbangkan oleh jualan yang lebih tinggi daripada pasaran tempatan. Pada tahun kewangan 2022, jualan tempatan menyumbang 80.3% daripada jumlah pendapatan manakala jualan eksport ke Arab Saudi menyumbang baki 19.7%. Sementara itu, Kumpulan mencatatkan rugi bersih yang lebih tinggi sebanyak RM9.1 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM5.5 juta setahun yang lalu. Ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan kos jualan, perbelanjaan pentadbiran dan kos operasi lain.
13.03.23 (Isnin) 10.30 pagi	Toyo Ventures Holdings Berhad (AGM)	Kumpulan Dakwat Percetakan (<i>Ink</i>) mencatatkan pertumbuhan pendapatan sebanyak 14.8% kepada RM45.38 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM39.53 juta pada tempoh kewangan 2021 yang dikira secara tahunan hingga 12 bulan. Peningkatan pendapatan ini

		<p>disumbangkan oleh Bahagian Dakwat Percetakan berikutan harga jualan produknya yang lebih tinggi.</p> <p>Sementara itu, Kumpulan Peralatan Mesin Nyahcas Elektrik (<i>Electrical Discharge Machine, EDM Tools</i>) mencatatkan pendapatan berjumlah RM55.8 juta pada tahun kewangan 2022, meningkat 38.8% daripada RM40.18 juta pada tempoh kewangan 2021. Peningkatan ini disumbangkan oleh jualan Wayar Pemotongan EDM yang lebih tinggi untuk pasaran tempatan dan luar negara serta jualan dalam negara yang lebih tinggi untuk Bahagian Bahan Guna Habis dan Bahagian Kejuruteraan.</p>
15.03.23 (Rabu) 10.00 pagi	Sunsuria Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2022, pendapatan Sunsuria meningkat sebanyak 49.7% tahun ke tahun kepada RM402.2 juta (tahun kewangan 2021: RM268.7 juta). Pendapatan yang lebih tinggi itu disumbangkan oleh pengiktirafan yang lebih tinggi daripada beberapa projek iaitu Monet Garden dan Tangerine Suites di Sunsuria City, Sunsuria Forum 2 dan Bangsar Hill Park.</p> <p>Walau bagaimanapun, untung sebelum cukainya sedikit menyusut pada RM34.9 juta disebabkan oleh margin pendapatan kasar yang lebih rendah berikutan peningkatan kos bahan dan kos buruh. Oleh yang demikian, untung bersihnya merosot kepada RM19.3 juta daripada RM23 juta pada tahun kewangan 2021.</p>
15.03.23 (Rabu) 10.30 pagi	Anzo Holdings Berhad (AGM)	<p>Tahun kewangan 2022 merupakan tahun yang mencabar bagi Anzo kerana kedua-dua bahagian kayu dan pembinaannya terjejas teruk.</p> <p>Kumpulan mencatatkan pendapatan yang lebih rendah berjumlah RM23 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM29.9 juta pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Rugi sebelum cukainya meningkat kepada RM30.17 juta berbanding</p>

		<p>RM24.4 juta pada tahun kewangan 2021, terutamanya disebabkan oleh:</p> <ol style="list-style-type: none"> pendapatan yang lebih rendah daripada bahagian dagangan sebanyak RM18.7 juta pada tahun kewangan 2022 (tahun kewangan 2021: RM25.6 juta). kerugian rosot nilai yang lebih tinggi sebanyak RM27.04 juta (tahun kewangan 2021: RM21.4 juta) ke atas penghutang dagangan dan lain-lain.
15.03.23 (Rabu) 11.00 pagi	Atlan Holdings Berhad (EGM)	<p>EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan pemerolehan:</p> <ol style="list-style-type: none"> The Cornwall Hotel Spa & Estate di United Kingdom dengan harga GBP10.8 juta (RM56.73 juta) Semua aset dan liabiliti Belle Isle Property Ltd yang sedia ada yang berkaitan operasi Hartanah dengan harga GBP1 (RM5) Semua modal saham terbitan Belle Isle Hotels (Cornwall) Management Limited dengan harga GBP250,000 (RM1.31 juta)
16.03.23 (Khamis) 10.00 pagi	MKH Berhad (AGM)	<p>Pendapatan dan untung sebelum cukai MKH bagi tahun kewangan 2022 masing-masing meningkat sebanyak 6.0% dan 6.3% kepada RM968.1 juta (tahun kewangan 2021: RM913.6 juta) dan RM171.3 juta (tahun kewangan 2021: RM161.1 juta). Peningkatan ini disumbangkan oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada Bahagian Pembinaan dan Pembangunan Hartanah serta Bahagian Perladangan.</p> <p>Bahagian Pembinaan dan Pembangunan Hartanah merekodkan perolehan dan pengiktirafan keuntungan yang lebih tinggi daripada projek yang sedang dijalankan iaitu MIRAI Residences @ Kajang 2 Presint 1, TR2 Residence @ Jalan Tun Razak, Iris @ Hillpark Shah Alam dan Nexus @ Stesen Kajang.</p>

16.03.23 (Khamis) 11.00 pagi	Asdion Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan menyusut 11.32% tahun ke tahun kepada RM3.84 juta (2021: RM4.33 juta) dengan rugi bersihnya meningkat sebanyak RM4.05 juta berbanding rugi RM2.23 juta pada tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh peningkatan yang ketara dalam perbelanjaan lain berjumlah RM1.18 juta.</p> <p>Memandangkan liabiliti semasa Kumpulan melebihi aset semasanya dengan jumlah yang besar, Juruaudit Bebas mengetengahkan ketidakpastian yang ketara berkaitan usaha berterusan.</p>
17.03.23 (Jumaat) 10.00 pagi	Lotus KFM Berhad (AGM)	<p>Kumpulan merekodkan pendapatan yang disatukan berjumlah RM66.08 juta (tahun kewangan 2021: RM51.76 juta), mewakili peningkatan sebanyak 27.66% tahun ke tahun.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, margin keuntungan kasarnya menyederhana kepada 6.31% pada tahun kewangan 2022 (tahun kewangan berakhir 2021: 8.28%), mewakili penurunan sebanyak 1.97%.</p> <p>Walaupun margin keuntungan lebih rendah, kumpulan mencatatkan untung sebelum cukai yang lebih tinggi sebanyak RM3.2 juta berikutan pendapatan lain yang lebih tinggi serta perbelanjaan jualan dan pengagihan yang lebih rendah.</p>

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
AHB Holdings Berhad (AGM)	<p>1. Kumpulan mempunyai penghutang dagangan berjumlah RM3.98 juta (2021: RM2.89 juta) yang sudah lewat tempoh tetapi tidak terjejas pada akhir tahun kewangan 2022. Amaun ini berpunca daripada beberapa pelanggan yang tiada kaitan antara satu sama lain yang belum pernah gagal membayar hutang tepat pada masanya sebelum ini (halaman 103, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Berapakah bahagian daripada penghutang dagangan yang telah lewat tempoh ini berpunca daripada pihak berkaitan dan/ atau pelanggan utama?</p>

	<p>b) Sudah berapa lamakah penghutang dagangan ini telah tertunggak?</p> <p>c) Berapakah jumlah penghutang dagangan ini yang telah berjaya dikutip setakat ini?</p> <p>2. Pada akhir tahun kewangan 2022, Kumpulan mempunyai tiga pelanggan (2021: tiga pelanggan) yang berhutang dengan Kumpulan sebanyak RM5.97 juta (2021: RM3 juta) yang menyumbang 95% (2021: 93%) daripada semua penghutang yang belum menjelaskan hutang mereka (halaman 123 Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Siapakah tiga pelanggan ini? Adakah mana-mana daripada mereka pernah mengingkari pembayaran sebelum ini?</p> <p>b) Sudah berapa lamakah Kumpulan berurusan dengan pelanggan-pelanggan ini?</p>
<p>Toyo Ventures Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan Dakwat Percetakan (<i>Ink</i>) mencatatkan pertumbuhan pendapatan sebanyak 14.8% kepada RM45.38 juta untuk tempoh 12 bulan pada tahun kewangan 2022 berbanding RM39.53 juta pada tempoh kewangan 2021 yang dikira secara tahunan kepada 12 bulan. Peningkatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh Bahagian Dakwat Percetakan berikutan kenaikan harga jualan menjelang akhir Jun 2022. Kumpulan Dakwat Percetakan beroperasi dari kilang pembuatan utama di Seri Kembangan, Selangor. (Halaman 26, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Berapakah kenaikan harga jualan produk syarikat pada tahun kewangan 2022?</p> <p>b) Berapakah kapasiti pengeluaran keseluruhan dan kadar penggunaan purata bagi Kumpulan Dakwat Percetakan pada tahun kewangan 2022? Apakah kadar penggunaan optimum?</p> <p>c) Berapakah belanjawan untuk perbelanjaan modal bagi tahun kewangan 2023?</p>
<p>Sunsuria Berhad (AGM)</p>	<p>Margin untung kasar daripada hartanah siap yang dijual pada tahun kewangan 2022 ialah 29.4 % berbanding 45.9% pada tahun kewangan 2021. (Halaman 172 & 173, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan penurunan margin untung kasar bagi hartanah siap dijual pada tahun kewangan 2022 berbanding tahun kewangan 2021?</p> <p>b) Sila sediakan profil pengusiaan bagi hartanah siap yang dijual oleh Kumpulan dalam kelompok kurang daripada setahun, 1-2 tahun dan lebih dari 2 tahun untuk tahun kewangan 2022.</p>

	<p>c) Bagaimanakah Kumpulan berjaya menjual hartanah siap berjumlah RM87.7 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM9.45 juta pada tahun kewangan 2021?</p>
Anzo Holdings Berhad (AGM)	<p>1. Terdapat kerugian rosot nilai ke atas deposit berjumlah RM10,945,786 yang direkodkan pada tahun kewangan 2022. Amaun ini tiada pada tahun kewangan 2021. (Halaman 38, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Apakah sifat deposit yang dirosot nilai?</p> <p>b) Mengapakah deposit berkenaan dirosot nilai?</p> <p>c) Apakah prospek untuk mendapatkan semula jumlah tersebut?</p> <p>2. Jumlah kos yang dibelanjakan untuk menjalankan fungsi audit dalaman Kumpulan bagi tahun kewangan dalam tinjauan berjumlah RM9,600 (Halaman 20, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Memandangkan bayarannya agak kecil (RM800 sebulan), bagaimanakah jawatankuasa audit memberikan jaminan bahawa terdapat perlindungan yang mencukupi dan fungsi audit yang berkesan? Apakah skop yang diliputi oleh fungsi audit dalaman? Berapakah jumlah laporan audit dalaman yang dikeluarkan dalam tempoh tersebut?</p>
Atlan Holdings Berhad (EGM)	<p>Berdasarkan maklumat di halaman 7 dalam pekeliling kepada pemegang saham, kira-kira 79.3% daripada pertimbangan hartanah, cukai tanah dan duti setem yang perlu dibayar untuk pemerolehan hartanah akan dibiayai oleh pinjaman bank dalam denominasi Ringgit Malaysia. Memandangkan hartanah itu menjana pendapatan dalam Pound Sterling, mengapakah syarikat tidak mendapatkan pinjaman dalam Pound Sterling sebagai lindung nilai semula jadi terhadap risiko pertukaran mata wang asing?</p>
MKH Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mengalami kerugian rosot nilai ke atas penghutang lain berjumlah RM825,934 pada tahun kewangan 2022. Kerugian ini tiada pada tahun kewangan 2021. (Halaman 101, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan kerugian rosot nilai ini?</p> <p>b) Sila berikan pecahan kerugian rosot nilai yang berjumlah RM825,934 ini.</p> <p>c) Adakah terdapat potensi untuk kerugian rosot nilai ini ditarik balik pada tahun kewangan 2023?</p>
Asdion Berhad (AGM)	<p>Kerugian Kumpulan yang boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Syarikat meningkat dengan ketara kepada RM4.05 juta berbanding kerugian berjumlah RM2.23 juta pada tahun sebelumnya (halaman 9, Laporan Tahunan 2023). Kerugian terkumpul meningkat kepada RM6.09 juta (2021: RM4.74 juta)</p>

	<p>manakala liabiliti semasa yang berjumlah RM28.32 juta melebihi aset semasa berjumlah RM5.53 juta (halaman 59 dan 60, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Laporan Juruaudit Bebas mengetengahkan ketidakpastian ketara yang berkaitan usaha berterusan. Oleh itu, apakah strategi perniagaan Kumpulan yang dirancang untuk memulihkan prestasi kewangan Asdion?</p> <p>b) Bilakah Kumpulan dijangka memperoleh keuntungan?</p>
Lotus KFM Berhad (AGM)	<p>Margin untung kasar (<i>gross profit margin</i>, GPM) Kumpulan menyusut sebanyak 1.97% daripada GPM sebanyak 8.28% pada tahun kewangan 2021 kepada GPM sebanyak 6.31% pada tahun kewangan 2022 (Halaman 62, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan penurunan GPM pada tahun kewangan berakhir 2022?</p> <p>b) Bagaimanakah Kumpulan dapat meningkatkan GPMnya? Apakah prospek GPM pada tahun kewangan berakhir 2023?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (clint.loh@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

• Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya

diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.